



PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (tengah) mengaminkan doa semasa menziarahi pengebumian bekas Ketua Setiausaha Negara, Allahyarham Tun Abdullah Salleh, 80, di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, Kuala Lumpur, semalam.

Allahyarham yang juga pengasas penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia meninggal dunia

di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia kira-kira 3.30 petang kelmarin, akibat pendarahan ulser.

Allahyarham menyandang jawatan Ketua Setiausaha Negara pada Oktober 1976 sebelum bersara daripada perkhidmatan awam pada 1979.

Turut menziarahi Allahyarham ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

- B e r n a m a